



DR. 5 TAHUN 2022
DEWAN RAKYAT PARLIMEN KEEMPAT BELAS



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA (MOTAC), KEMENTERIAN DALAM
NEGERI (KDN) DAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG**

**PENGURUSAN PROGRAM MALAYSIA RUMAH KEDUAku
(MM2H)**



AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14

- | | | |
|-----|--|---|
| 1. | YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] | - Pengerusi |
| 2. | YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti
Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] | - Naib Pengerusi |
| 3. | YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] | |
| 4. | YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] | |
| 5. | YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] | |
| 6. | YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakieh [Sabak Bernam] | |
| 7. | YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] | |
| 8. | YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Lumut] | |
| 9. | YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] | |
| 10. | YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar] | |
| 11. | YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] | |
| 12. | YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] | |
| 13. | YB. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] | |
| 14. | YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] | |
| 15. | YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin | - Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat |

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
6. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
7. Unit Perancang Ekonomi (EPU)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG
NEGARA (PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS**
**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA (MOTAC), KEMENTERIAN DALAM
NEGERI (KDN) DAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
(JIM) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN**

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PROGRAM MALAYSIA RUMAH KEDUA(KU (MM2H)	1 - 4
2	TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC), KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) DAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PROGRAM MALAYSIA RUMAH KEDUA(KU (MM2H) (DR.24/2021)	5 - 10

**LAPORAN JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PROGRAM
MALAYSIA RUMAH KEDUAku
(MM2H)**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC),
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)
DAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM)
BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 24/2021)
BERHUBUNG**

PENGURUSAN PROGRAM MALAYSIA RUMAH KEDUAKU (MM2H)

1 LATAR BELAKANG

- 1.1 Melalui mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 (1) (c) dan 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah membincangkan mengenai Pengurusan Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dalam Prosiding seperti berikut:

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC),
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) DAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PROGRAM MALAYSIA RUMAH KEDUAHKU (MM2H)*

BIL.	TARIKH/MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	24 November 2021/ 10:30 pagi	Bil. 11 / 2021	YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid [Ketua Audit Negara (KAN)]
2.	24 November 2021/ 11:30 pagi	Bil. 11(a) / 2021	i. YBhg. Datuk Wira Dr. Noor Zari bin Hamad [Ketua Setiausaha (KSU), MOTAC] ii. YBrs. En. Mohd Zamri bin Mat Zain [Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Pelancongan, MOTAC]
3.	1 Disember 2021/ 11:00 pagi	Bil. 11(c) / 2021	YBrs. En. Anthony Liew Yong Huat [Pengerusi Malaysia My Second Home Consultants Association (MM2HCA)]
4.	2 Disember 2021/ 11:00 pagi	Bil. 11(b) / 2021	i. YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa [TKSU Dasar dan Kawalan, KDN] ii. YBhg. Dato' Indera Khairul Dzaimee bin Daud [Ketua Pengarah (KP), JIM]

- 1.2 Isu ini adalah sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2019 Siri 2 - Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun yang dibentangkan di Parlimen pada 28 September 2021.
- 1.3 Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen telah memanggil pihak-pihak yang berkepentingan dan terlibat dalam Pengurusan Program MM2H iaitu KSU MOTAC, Pengerusi MM2HCA, TKSU Dasar dan Kawalan, KDN dan KP JIM untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan.
- 1.4 Pada 16 Disember 2021 Jawatankuasa ini membentangkan Laporan PAC Parlimen Berhubung Pengurusan Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC),
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) DAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PROGRAM MALAYSIA RUMAH KEDUA(KMM2H)*

(MOTAC), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di Dewan Rakyat.

- 1.5 Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan lima (5) syor yang perlu diambil tindakan oleh KDN, MOTAC dan JIM.
- 1.6 Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304 (b) tindakan-tindakan berikut perlu diambil KDN, MOTAC dan JIM selepas Laporan PAC Parlimen dibentangkan di Dewan Rakyat:
 - 1.6.1 Dasar baharu program MM2H haruslah bersifat mesra pelanggan dan kompetitif berbanding dengan negara-negara jiran. Kriteria penyertaan haruslah lebih fleksibel mengikut kepelbagaiannya kumpulan peserta yang disasarkan. Sesi libat urus dengan kesemua stakeholders haruslah dipergiatkan sebelum dasar baharu dimuktamadkan;
 - 1.6.2 Kerajaan hendaklah memperkasakan peranan MOTAC dalam mempromosi program MM2H demi mencapai matlamat asal iaitu merangsang ekonomi negara dalam subsektor pelancongan seperti pendidikan, perubatan, harta tanah dan industri automobil;
 - 1.6.3 KDN hendaklah mempertingkatkan sistem aplikasi penyimpanan maklumat yang lengkap khasnya dari segi pemantauan bilangan peserta mengikut kategori permohonan lanjutan dan permohonan baharu, aktiviti dan perbelanjaan peserta, pemilikan aset dan isu-isu lain yang dinyatakan dalam LKAN dan Laporan PAC ini;
 - 1.6.4 KDN hendaklah berkoordinasi dengan Pendaftar Tanah Dan Galian (PTG) di semua negeri dan menyimpan rekod bagi

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC),
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) DAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PROGRAM MALAYSIA RUMAH KEDUAHKU (MM2H)*

memastikan maklumat pembelian dan pemilikan harta tanah oleh peserta MM2H adalah lengkap; dan

- 1.6.5 Pekeliling Imigresen Malaysia Bilangan 6 Tahun 2009 haruslah dipinda atau diganti dengan pekeliling yang lain untuk memberikan tafsiran yang tepat mengenai had umur anak yang dibenarkan sebagai tanggungan bagi peserta dalam program MM2H.
- 1.7 Sehubungan itu, KDN bersama-sama dengan MOTAC dan JIM telah memberikan taklimat berhubung Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal KDN, MOTAC dan JIM ke Atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Prosiding DR. 24/2021 di hadapan PAC Parlimen pada 16 Mac 2022.

2 PENDAHULUAN

- 2.1 Pengurusan Program MM2H di bawah MOTAC, KDN dan JIM adalah sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam LKAN 2019 Siri 2 - Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun yang dibentangkan di Parlimen pada 28 September 2021.
- 2.2 Laporan PAC Parlimen Berhubung Pengurusan Program MM2H di bawah MOTAC, KDN dan JIM telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 16 Disember 2021. Surat PAC bertarikh 4 Januari 2022 rujukan PAR/PAC.3/25/15/3(18) telah mengemukakan Laporan PAC Parlimen DR.24/2021 yang turut mengandungi rumusan serta syor-syor PAC dan berkehendakkan tindakan susulan dari MOTAC, KDN dan JIM.
- 2.3 MOF, MOTAC, KDN dan JIM melalui surat rujukan MOF.BKSK(R)600-7/1/5 Jld.2(3) bertarikh 15 Mac 2022 telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal MOTAC, KDN dan JIM ke Atas Syor-syor Laporan PAC Parlimen DR.24/2021.

**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA (MOTAC),
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
(KDN) DAN JABATAN IMIGRESEN
MALAYSIA (JIM) BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN DR.24/2021**

3 TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN

- 3.1 Syor 1: Dasar baharu program MM2H haruslah bersifat mesra pelanggan dan kompetitif berbanding dengan negara-negara jiran. Kriteria penyertaan haruslah lebih fleksibel mengikut kepelbagaian kumpulan peserta yang disasarkan. Sesi libat urus dengan kesemua stakeholders haruslah dipergiatkan sebelum dasar baharu dimuktamadkan.**

Maklum Balas KDN

- 3.1.1 Penambahbaikan dasar baharu Program MM2H yang telah diperkenalkan semula telah mengambil kira penandaarasan dengan negara-negara lain seperti Australia, Singapura, Portugal, Vietnam, Thailand dan Filipina bagi memastikan dasar Program MM2H adalah kompetitif dan mampu menarik permohonan dari peserta yang berkualiti serta mampu memberikan sumbangan yang signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi negara.
- 3.1.2 KDN turut mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada pelbagai kementerian dan Agensi Pusat yang berkepentingan menerusi perbincangan dan melalui ulasan ke atas Memorandum Jemaah Menteri.
- 3.1.3 Dasar baharu ini turut mengambil kira hasil Kajian Impak dan Keberkesanan Program MM2H kepada ekonomi negara oleh KPMG yang dilantik oleh MOTAC dan diubahsuai mengikut kewajaran.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum dengan tindakan yang telah diambil oleh pihak KDN. PAC dimaklumkan bahawa sesi libat urus bersama pemegang taruh seperti kementerian berkaitan, Persatuan Perunding Program MM2H, pihak bank dan lain-lain telah pun diadakan. PAC bepadangan agar sesi libat urus tersebut dapat diteruskan dan dijadikan amalan bagi program-program pada masa hadapan.

- 3.2 Syor 2: Kerajaan hendaklah memperkasakan peranan MOTAC dalam mempromosi program MM2H demi mencapai matlamat asal iaitu merangsang ekonomi negara dalam subsektor pelancongan seperti pendidikan, perubatan, harta tanah dan industri automobil.**

Maklum Balas MOTAC

- 3.2.1 MOTAC melalui Tourism Malaysia memberi tumpuan kepada elemen promosi Program MM2H. Dengan pengenalan Program MM2H baharu yang kompetitif di bawah seliaan KDN mengambil kira penandaarasan dengan negara lain seperti Australia, Singapura, Portugal, Thailand dan Filipina, MOTAC menjangkakan jumlah permohonan penyertaan tahunan Program MM2H meningkat dari 1,800 ke 4,000 bagi tahun 2022 menjelang tahun 2025 selepas memasuki fasa endemik COVID-19.
- 3.2.2 MOTAC juga memberi tumpuan kepada elemen pelesenan Ejen MM2H. Sehingga 31 Disember 2021, sejumlah 340 syarikat berlesen MM2H yang aktif turut menjalankan aktiviti promosi Program MM2H.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum dengan tindakan yang telah diambil oleh pihak MOTAC. PAC turut dimaklumkan bahawa promosi turut giat dilakukan melalui Tourism Malaysia serta pihak delegasi pameran perdagangan dan kedutaan.

- 3.3 Syor 3: KDN hendaklah mempertingkatkan sistem aplikasi penyimpanan maklumat yang lengkap khasnya dari segi pemantauan bilangan peserta mengikut kategori permohonan lanjutan dan permohonan baharu, aktiviti dan perbelanjaan peserta, pemilikan aset dan isu-isu lain yang dinyatakan dalam LKAN dan Laporan PAC ini.**

Maklum Balas KDN/JIM

- 3.3.1 JIM telah mengambil alih Program MM2H dari MOTAC bermula pada 16 September 2021. JIM telah merekodkan pengeluaran *fixed deposit* (FD) bagi tujuan pembelian rumah, kesihatan dan pendidikan.
- 3.3.2 Penyimpanan maklumat yang lengkap dan pemantauan berkaitan peserta program MM2H telah diambil kira dalam pembangunan Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe) yang sedang dibangunkan oleh Kementerian Dalam Negeri. Sistem NIISe dijangka akan go *live* pada Disember 2023. Selepas setahun iaitu Disember 2024, Sistem NIISe akan diguna pakai sepenuhnya. Jurang setahun itu adalah tempoh transisi untuk *deployment* ke semua pejabat dan cawangan JIM.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum dengan tindakan yang telah diambil oleh pihak KDN dan JIM. PAC juga ingin mengingatkan agar dalam usaha membangunkan sistem tersebut, keutamaan dan penekanan harus diberi terhadap pemilikan sistem, keperluan pengguna sistem, integrasi sistem di antara jabatan yang terlibat dan proses perolehan.

Perkara ini adalah penting bagi memastikan sistem yang dibangunkan mencapai matlamat serta menepati kehendak pengguna dan mesra pengguna di samping menjamin *value for money* kepada Kerajaan.

- 3.4 Syor 4: KDN hendaklah berkoordinasi dengan Pendaftar Tanah Dan Galian (PTG) di semua negeri dan menyimpan rekod bagi memastikan maklumat pembelian dan pemilikan harta tanah oleh peserta MM2H adalah lengkap.**

Maklum Balas KDN/JIM

- 3.4.1 KDN akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan bukannya PTG kerana pembelian harta tanah yang berbentuk kediaman adalah dibawah bidang kuasa KP KT. Ini adalah bagi memastikan data pembelian harta tanah oleh peserta Program MM2H dapat diintegrasikan dengan sistem yang dibangunkan oleh Jabatan Perumahan Negara, KP KT.
- 3.4.2 Peserta Program MM2H tidak diwajibkan membeli harta tanah bagi menyertai Program MM2H. Harta tanah yang boleh dibeli oleh peserta Program MM2H adalah bangunan kediaman yang telah ditetapkan harga siling oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC),
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) DAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PROGRAM MALAYSIA RUMAH KEDUAKE (MM2H)*

- 3.4.3 Jabatan Imigresen Malaysia akan memastikan rekod pembelian harta tanah peserta MM2H yang memohon pengeluaran FD bagi tujuan pembelian harta tanah direkodkan.
- 3.4.4 Pembelian harta tanah yang tidak melibatkan pengeluaran FD tidak direkodkan kerana tidak disyaratkan ke atas peserta MM2H untuk melaporkan kepada JIM.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum dengan tindakan yang telah diambil oleh pihak KDN dan JIM. Namun demikian, PAC sekali lagi menegaskan bahawa koordinasi dengan PTG di semua negeri adalah perlu memandangkan PTG merupakan jabatan yang menyimpan segala rekod pemilikan harta tanah. Perlu wujud kerjasama pintar antara KDN, KPKT dan PTG dalam mewujudkan satu pangkalan data yang lengkap, sistematik dan selamat.

- 3.5 Syor 5: Pekeliling Imigresen Malaysia Bilangan 6 Tahun 2009 haruslah dipinda atau diganti dengan pekeliling yang lain untuk memberikan tafsiran yang tepat mengenai had umur anak yang dibenarkan sebagai tanggungan bagi peserta dalam program MM2H.**

Maklum Balas JIM

- 3.5.1 Selaras dengan penambahbaikan dasar baharu Program MM2H, Jabatan Imigresen Malaysia telah membuat penambahbaikan terhadap tafsiran had umur anak peserta pemegang pas MM2H di dalam Pekeliling Imigresen Malaysia. Pekeliling ini akan dikeluarkan selepas proses pewartaan perintah Fi selesai.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC),
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) DAN JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM)
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG
PENGURUSAN PROGRAM MALAYSIA RUMAH KEDUAHKU (MM2H)*

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum dengan tindakan yang telah diambil oleh pihak JIM.

4 PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil ke atas syor-syor PAC Parlimen oleh KDN, MOTAC dan JIM selaras dengan Perkara 304 (b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008).

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE 14

LAPORAN PROSIDING

- ❖ **Tindakan Susulan Kementerian pada Rabu, 16 Mac 2022**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Khamis, 17 Mac 2022

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Laporan Tindakan Susulan:
PENGURUSAN PROGRAM
MALAYSIA RUMAH KEDUAHKU**

- 1. Kementerian Kewangan**
YBhg. Datin Rashidah binti Mohd Sies,
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)
- 2. Kementerian Dalam Negeri (MOHA)**
YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz,
Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri
- 3. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)**
YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud,
Ketua Pengarah
- 4. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)**
YBhg. Datuk Hajah Saraya binti Arbi,
Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)

**PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 16 MAC 2022**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti - *Timbalan Pengerusi*
 Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakieh [Sabak Bernam]
YB. Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
YB. Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
YB. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]
YB. Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]
YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*

URUS SETIA

Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha (Seksyen Jawatankuasa Pilihan) (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Seksyen Jawatankuasa Pilihan) (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Peguam Negara

Puan Norizan binti Arifin [Ketua Unit Perkhidmatan (Bahagian Penasihat)]

Kementerian Kewangan

Encik Zainudin bin Suleiman [Timbalan Setiausaha Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKSK)]
Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Unit Kawalan dan Pemantauan Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKSK)]
Encik Nurul Allbirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan Unit Kawalan dan Pemantauan Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKSK)]

(samb/-)

HADIR BERSAMA (samb/-)

Jabatan Audit Negara

Puan Azmiza binti Mohd Khalid [Timbalan Pengarah]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Nadzemah binti Mohd Som [Timbalan Pengarah]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Tuan Khairol bin Mohamad [Pegawai Siasatan, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan]

Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri

Puan Emelia Tay Ling Imm [Timbalan Pengarah (Sektoral) Bahagian Industri Perkhidmatan]

SAKSI

Kementerian Kewangan

YBhg. Datin Rashidah binti Mohd Sies [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)]

Kementerian Dalam Negeri (MOHA)

YBhg. Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz [Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri]

YBhg. Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan)]

Encik W. Hasbi bin W. Mohd [Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Imigresen]

Encik Wan Mohamed Saupee bin Wan Yusoff [Timbalan Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Imigresen]

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud [Ketua Pengarah]

YBhg. Dato' Makhzan bin Mahyuddin [Timbalan Ketua Pengarah]

Encik Harith bin Hashim [Pegawai Khas Ketua Pengarah]

Puan Junaina binti Ta'at [KTTP]

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)

YBhg. Datuk Hajah Saraya binti Arbi [Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)/Jusa B]

Encik Mohd Zamri bin Mat Zain [Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan/Jusa B)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KELIMA

Rabu, 16 Mac 2022

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.02 pagi

[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Okey. Boleh saya *check* saksi-saksi semua sedia ya. Sekretariat okey? Okey, saya memulakan mesyuarat pada pagi ini. Salam sejahtera, selamat pagi dan selamat datang saya ucapan kepada Ahli-ahli Mesyuarat PAC sekalian, ahli-ahli *ex-officio* yang terdiri dari Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Jabatan Akauntan Negara, Unit Perancang Ekonomi dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada pagi ini.

Ahli-ahli mesyuarat sekalian, pagi ini jawatankuasa akan mendengar pembentangan tindakan susulan Pegawai Pengawal iaitu Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya dan Jabatan Imigresen Malaysia terhadap laporan PAC berhubung pengurusan Program Malaysia Rumah Keduaku atau lebih dikenali sebagai MM2H yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2. Jawatankuasa ini mengadakan tiga prosiding berhubung isu ini iaitu pada 24 November 2021, 1 Disember 2021 dan 2 Disember 2021 dan membentangkan laporan yang mengandungi lima syor di Dewan Rakyat pada 16 Disember.

Sememangnya isu ini, laporan PAC bagi isu ini merupakan laporan yang paling pantas PAC sempat untuk memuktamadkan sebelum berakhirnya sidang Parlimen yang lepas. Kita bermula pada 24 November dan kita *settle* dan memuktamadkan kesemua dengan pembentangan pada 16 Disember kerana bagi isu ini, pihak PAC berpendapat bahawa dia ada *time constraint* dia untuk pihak PAC membantu pihak kementerian untuk melaksanakan polisi-polisi MM2H yang selanjutnya.

Hadir di hadapan PAC pada pagi ini adalah Yang Berbahagia Datin Rashidah binti Mohd Sies selaku Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) yang mewakili Yang Berbahagia Datuk Sri KSP. Pihak sekretariat ada dimaklumkan

oleh pihak MOF bahawa Yang Berbahagia Datuk Seri Asri bin Hamidon selaku KSP telah memaklumkan bahawa beliau tidak sempat hadir pada mesyuarat pada hari ini dan digantikan dengan Yang Berbahagia Datin Rashidah binti Mohd Sies. Ini telah pun dibenarkan pihak PAC.

Kedua, Yang Berbahagia Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz selaku Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih kerana hadir. Yang Berbahagia Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa selaku TKSU Dasar dan Kawalan Kementerian Dalam Negeri. Yang Berbahagia Datuk Hajah Saraya binti Arbi selaku Timbalan Ketua Setiausaha Kebudayaan MOTAC, yang memangku jawatan KSU MOTAC. Yang Berbahagia Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud selaku Ketua Pengarah Imigresen. Kepada semua saksi selamat datang saya ucapkan kepada semua ke mesyuarat PAC pada hari ini.

Jadi dengan ini saya menjemput Yang Berbahagia Datin Rashidah binti Mohd Sies untuk memulakan pembentangan bagi maklum balas pegawai pengawal untuk syor-syor laporan PAC berhubung pengurusan program MM2H. Dipersilakan Datin Rashidah.

Datin Rashidah binti Mohd Sies [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan), Kementerian Kewangan]: Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh selaku Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berusaha Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin selaku Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha PAC Parlimen, Yang Berbahagia Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz selaku Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Yang Berbahagia Datuk Hajah Saraya binti Arbi selaku Timbalan Ketua Setiausaha Kebudayaan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Yang Berusaha Encik Mohd Zamri bin Mat Zain selaku Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud selaku Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia, Encik Wan Hasbi bin Wan Mohd selaku Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Imigresen dan pegawai-pegawai *ex-officio* PAC Parlimen sekalian.

Dimaklumkan bahawa pengurusan Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) oleh Kementerian Dalam Negeri dan MOTAC telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019, Siri Kedua, Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun yang dibentangkan di Parlimen pada 28

September 2021. Susulan dari itu, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara PAC Parlimen telah membawa isu ini ke prosiding PAC Parlimen sebanyak tiga kali iaitu dalam prosiding Bilangan 11 Tahun 2021 pada 24 November 2021 dan 1 Disember 2021 dan 2 Disember 2021.

Setelah selesai sesi prosiding, PAC Parlimen telah mengemukakan sebanyak lima syor dan berkehendakkan tindakan susulan diambil oleh pegawai pengawal Kementerian Dalam Negeri dan MOTAC selaras dengan Arahan Perbendaharaan 304(b) iaitu setelah PAC mengeluarkan laporannya ia berkehendakkan tindakan susulan diambil ke atas setiap syor yang dikemukakan. Tindakan susulan terhadap syor-syor PAC oleh pegawai pengawal kemudiannya perlu dilaporkan kepada Kementerian Kewangan (MOF) seterusnya akan mengemukakan kepada PAC satu laporan muktamad tindakan susulan pegawai pengawal ke atas syor-syor PAC.

Sehubungan dengan itu, pada hari ini MOF bersama Kementerian Dalam Negeri dan MOTAC akan menyampaikan taklimat ringkas kepada Ahli-ahli PAC Parlimen berhubung tindakan susulan yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri berhubung isu ini. Seterusnya izinkan saya menjemput Yang Berbahagia Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz selaku Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri untuk menyampaikan taklimat seterusnya. Silakan ya Dato'.

■1110

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz [Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri]: Okey, Terima kasih Datuk. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi PAC Parlimen; Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Timbalan Pengerusi PAC; Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen; Yang Berbahagia Datuk, Dato', tuan-tuan dan puan-puan wakil daripada MOF, Kementerian Dalam Negeri, MOTAC dan juga dari Jabatan Imigresen Malaysia serta ahli-ahli mesyuarat yang saya hormati sekalian.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberikan ruang dan peluang kepada saya untuk membentangkan Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal Kementerian Dalam Negeri Berkaitan Dengan Syor-syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Berkaitan Dengan Pengurusan Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H).

Jadi, untuk KDN kita ada empat buah syor yang dikemukakan oleh pihak PAC dan saya langsung Tuan Pengerusi kepada syor-syor tersebut, Yang Berhormat. Syor yang pertama adalah berkaitan dengan dasar baharu Program MM2H

hendaklah bersifat mesra pelanggan dan kompetitif berbanding dengan negara-negara jiran. Kriteria penyertaan haruslah lebih fleksibel mengikut kepelbagaiannya kumpulan peserta yang disasarkan. Sesi libat urus dengan semua *stakeholders* haruslah dipergiatkan sebelum dasar baharu dimuktamadkan.

Jadi, untuk makluman Tuan Pengerusi dan juga ahli-ahli PAC, suka saya memaklumkan bahawa penambahbaikan kepada dasar baharu Program MM2H ini kita buat dengan satu kajian awal bermula pada tahun 2019 lagi. Ia bukanlah dibuat secara terburu-buru dan kita menggunakan penanda aras dengan negara-negara lain seperti Australia, Singapura, Portugal, Vietnam, Thailand dan Filipina.

Bagi memastikan dasar Program MM2H ini adalah kompetitif dan mampu untuk menarik permohonan daripada peserta yang berkualiti serta mampu memberikan sumbangan yang signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Jadi, saya juga ingin menarik perhatian bahawa setelah kita melaksanakan program ini Tuan Pengerusi, sebanyak 211 permohonan sehingga hari ini telah kita terima untuk permohonan menggunakan kaedah baharu ini. Telah ada dan telah pun ada yang telah diluluskan. Jadi, ini menunjukkan bahawa...

Tuan Pengerusi: Dato' Sri, maaf ya. Jumlah berapa? 211?

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: 211.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Nanti *detail* kita akan kemukakan kepada Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli PAC yang lain. Terima kasih.

Jadi, ini menunjukkan bahawa program ini masih menarik minat kepada warganegara luar untuk menyertai Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H).

Daripada segi *engagement* ataupun perbincangan awal semasa kita ingin memulakan dasar baharu ini yang mana telah bermula 30 September lagi, Tuan Pengerusi. Di mana, pihak MOTAC yang pada masa itu telah mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan seperti KDN, JIM dan PDRM untuk kita menilai semula program yang telah kita adakan sebelum ini, di mana tidak pernah dibuat satu kajian yang menyeluruh berkaitan dengan kebolehlaksanaan pada masa-masa sekarang ini lebih daripada 20 tahun.

Ini kerana program yang ada sebelum ini bermula pada tahun 1996 lagi. Jadi, *it's a high time* untuk kita melihat semula daripada segi kesesuaian masa dan juga situasi yang kita ada untuk memastikan kebolehlaksanaan Program MM2H dan juga persaingan dengan negara-negara yang melaksanakan program *second home*. Jadi, telah kita adakan *engagement* bermula tahun 2019 lagi, Tuan Pengerusi.

Selain daripada itu untuk makluman Tuan Pengerusi, pihak MOTAC sendiri juga telah melantik KPMG sebagai perunding untuk menjalankan kajian impak

Program MM2H. Sepanjang kajian yang dijalankan oleh KPMG beberapa buah siri libat urus dengan *stakeholders* dan kumpulan sasar telah dilaksanakan seperti dengan pihak KDN sendiri, JIM, EPU, PDRM, JPJ, Lembaga Hasil Dalam Negeri, MIDA, MOF, DOSM dan Persatuan Perunding MM2H (MM2HCA) telah diadakan. Bermakna daripada segi *engagement* sebelum kita melaksanakan ini, kita telah adakan perjumpaan dan perbincangan untuk memastikan semua perkara diambil kira.

Jadi, daripada perbincangan-perbincangan tersebut memang telah kita adakah penambahbaikan Tuan Pengurus berkaitan dengan program ini. Saya ingin *highlight* daripada segi keperluan untuk keberadaan peserta Program MM2H di Malaysia. Ini kerana hasrat kita semenjak program ini dilaksanakan dahulu adalah untuk memastikan mereka yang memegang pas MM2H ini adalah tinggal di Malaysia dan berbelanja di Malaysia. Kalau dulu kita tidak menetapkan berapa hari mereka perlu ada di Malaysia setelah diberikan pas MM2H selama 10 tahun.

So, untuk yang terbaru kaedah baharu ini kita menetapkan supaya pemegang kad MM2H ini hendaklah bermastautin di Malaysia selama 90 hari dalam setahun dan dikira berapa hari mungkin sebagai contoh, mereka berada pada bulan Januari mungkin selama 10 hari kemudian bulan Februari mereka tidak datang, mereka berada pada bulan April selama lima hari dan seterusnya untuk setahun *cumulative* hendaklah mencapai 90 hari. Ini sebenarnya bertujuan untuk memastikan bahawa pemegang kad MM2H ini tidak menyalahgunakan pas tetapi mereka berada di Malaysia untuk berbelanja sebagai mana yang dihasratkan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan lagi ekonomi negara kita.

Satu lagi yang saya juga ingin tarik perhatian adalah mereka yang pemegang pas MM2H sebelum ini mereka tidak tertakluk kepada syarat baharu daripada segi deposit wang tunai. Kalau dahulu mereka diwajibkan deposit wang tunai sebanyak antara RM150,000 hingga RM350,000. Akan tetapi, pada kali ini kita tetapkan sebanyak RM1.5 juta untuk deposit. Itu yang berbeza tetapi bagi *existing* pemegang kad MM2H, mereka tidak tertakluk kepada syarat ini. Mereka cuma tertakluk kepada syarat untuk bayaran fi kepada pas iaitu kalau dahulu kita kenakan RM90 sekarang kita kenakan RM500 setahun. Itu sahaja perbezaan ia.

Tuan Pengurus: Dato' Sri, berkenaan dengan syarat baharu bagi pemegang pas yang asal, ya. Pihak PAC dimaklumkan semasa prosiding bahawa memang apa yang berbeza bagi *group* golongan ini adalah fi pas sahaja. Syarat-syarat lain memang akan mengikut syarat-syarat yang lama. So, katakan berkenaan dengan *minimum stay*, so sama ada ia mengikut syarat lama ke atau mengikut syarat baharu? Kita difahamkan mengikut syarat lama.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: *Minimum stay* itu ia sebenarnya, Tuan Pengerusi kalau syarat lama ia tidak ada had. Berapa hari mereka mahu tinggal di Malaysia pun tidak diambil kira. Akan tetapi, syarat baharu kita tambah baik lagi, Tuan Pengerusi supaya keberadaan mereka itu akan membantu untuk menjana ekonomi kita dengan kita berharap mereka berbelanja.

Tuan Pengerusi: Dato' Sri, ini merupakan keterangan daripada saksi dari Persatuan Perunding MM2H (MM2HCA). Ini merupakan satu yang amat dititikberatkan oleh pihak *stakeholder* dalam Program MM2H ini. Itu sebab pun dalam prosiding, kami ada bertanya dengan amat jelas kepada pihak saksi. Saya tidak pasti sama ada TKSU ataupun Dato' KP yang memberikan makluman bahawa boleh disahkan hanya fi pas sahaja yang akan dikenakan ke atas mereka yang memegang pas asal dan untuk syarat baharu hanya dilaksanakan terhadap mereka yang membuat permohonan baharu.

■1120

So, saya hendak mendapatkan penjelasan kerana sekiranya kita perhatikan rumusan dalam rumusan yang dinyatakan dalam laporan PAC saya cuba buka. Sekretariat boleh buka atas skrin tidak? Rumusan kita. Tidak silap saya ada satu rumusan yang menyatakan bahawa syarat-syarat baharu tidak akan dikenakan kepada mereka yang merupakan pemegang pas asal. Sekretariat boleh?

Okey rumusan 6.7. Sekretariat ada? Tengah buat? Okey. Saya boleh baca dahulu. Ini merupakan rumusan daripada PAC setelah mendengar daripada saksi-saksi. PAC mengambil maklum kriteria baharu untuk Program MM2H tidak akan diguna pakai terhadap peserta-peserta yang sedia ada kecuali pembayaran fi pemprosesan sebanyak RM500 yang telah ditetapkan di bawah syarat baharu. Itulah yang saya hendak mendapat penjelasan daripada Dato' Sri sama ada kedudukan ini ada berubah setelah laporan kita dibentangkan kerana nampaknya Dato' Sri kata fi tahunan ke apa. Fi pas akan dikenakan dan yang lain-lain sama ada akan dikenakan atau tidak? Sebelum ini kita dimaklumkan tidak.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Memang dalam syarat yang telah kita gariskan daripada awal, memang kita menetapkan supaya keberadaan ataupun kemastautinan pemegang pas hendaklah mencapai 90 hari secara kumulatif dalam masa setahun. Dengan asas-asas...

Tuan Pengerusi: *Dato' Sri, may I just pause you here?* Saya cuba quote-kan apa yang telah pun pihak PAC quote dalam laporan kita. 5.5.14 Pemakaian syarat baharu kepada peserta sedia ada. Yang Berbahagia Datuk Mohamad Fauzi bin Md.

Isa, TKSU KDN dalam prosiding bertarikh 2 Disember 2021. Ini muka surat 55 ya, sekretariat. Okey saya ada menanyakan,

“Tuan Pengerusi: Bahawa ada satu laporan menyatakan the existing peserta akan diberikan satu grace period satu tahun untuk memenuhi syarat-syarat sedia ada. Boleh saya dapatkan pengesahan sekali lagi? Syarat-syarat memang adalah kekal untuk peserta-peserta sedia ada.”

“Datuk Mohamad Fauzi bin Md. Isa: Sedia ada.”

“Tuan Pengerusi: Apa yang akan berlaku sekiranya PLS mereka tamat? Are they going to be subjected to the new criteria or the old criteria?”

“Datuk Indera Khairuzaini bin Daud: Dia masih lagi old criteria, cuma dia kena bayar process fee yang baharu.”

“Datuk Mohamad Fauzi bin Md. Isa: Cuma process fee yang baharu.”

So saya tanya lagi, *“Cuma process fee yang baharu tetapi katakan PLS dia tamat tahun 2026. Masa dia hendak buat renewal dan juga permohonan baharu, kriteria lama akan terpakai untuk golongan ini?”*

“Datuk Mohamad Fauzi bin Md. Isa: Betul.”

“Tuan Pengerusi: Cuma process fee kena bayar RM500?”

“Datuk Mohamad Fauzi bin Md. Isa: Betul. Process fee yang baharu RM500 kena bayar.”

So, itu yang kita petik dari *Hansard* dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada laporan. Mungkin Dato' Sri ataupun Dato' KP boleh memberikan penjelasan lanjut berkenaan dengan isu ini kerana bagi saya pemahaman daripada PAC memang adalah jelas. *Apart from the RM500, kesemua adalah sama.* Kita ada kesemua kriteria tetapi kriteria mengikut kriteria lama. Ya, dipersilakan Dato'.

Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud [Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)]:

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Ya memang betul bahawa dari segi keberadaan pun mereka tidak tertakluk kepada syarat baharu seperti mana yang telah diputuskan 90 hari kepada semua peserta baharu. Rasionalnya ialah kerana peserta-peserta lama mereka juga tidak diminta untuk meningkatkan pendapatan tahunan daripada RM10,000 kepada RM40,000. Mereka juga tidak diminta untuk meningkatkan *fixed deposit* daripada RM350,000 kepada RM1 juta. Jadi, keberadaan mereka di dalam negara kita untuk tempoh yang lama tidaklah begitu memberi impak kepada ekonomi berbanding dengan syarat baharu di mana mereka yang mempunyai pendapatan RM40,000 ini, kita syaratkan untuk berada bagi tempoh 90 hari kumulatif. Jawapan ini konsisten Tuan Pengerusi seperti mana dalam prosiding kita yang dahulu.

Tuan Pengerusi: Ya, terima kasih. Itu amat konsisten dan juga disahkan. Okey terima kasih. Mungkin Dato' Sri boleh proceed. Terima kasih.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Selain daripada perkara-perkara yang dinyatakan tadi, sebagaimana saya maklumkan di awal pembentangan tadi bahawa sambutan daripada pihak peserta-peserta daripada luar menggalakkan kerana kita baru laksanakan program baharu ini pada bulan September yang lalu. Sebanyak 211 permohonan telah kita terima dan telah kita luluskan sebahagian daripada permohonan tersebut.

Seterusnya kita ke syor yang...

Tuan Pengerusi: Dato' Sri, sebelum kita masuk ke syor yang kedua, bagi syor yang pertama, pihak PAC ada menyatakan bahawa sesi libat urus dengan semua *stakeholders* haruslah dipergiatkan sebelum dasar baharu dimuktamadkan. Semasa prosiding, kita difahamkan bahawa syarat-syarat baharu yang dinyatakan tersebut masih dalam proses cadangan dan masih belum lagi dimuktamadkan. Saya hendak tanya kepada Dato' Sri dalam masa tiga bulan ini, *any changes on the cadangan and juga syarat baharu yang muktamad*. Itu nombor satu.

Nombor dua, berkenaan dengan sesi libat urus. Kita balik kepada Persatuan MM2H yang telah pun datang ke PAC dan memberikan pandangan mereka. *This group of people is actually one of the groups* yang mana pihak PAC juga percaya bahawa mereka fasih berkenaan dengan proses dan juga kehendak daripada pelanggan-pelanggan mereka. Namun demikian, kami hanya dimaklumkan bahawa persatuan ini pernah mengadakan satu perjumpaan dengan Menteri KDN tetapi perjumpaan itu pun bukan satu perjumpaan yang formal, yang *official*, yang rasmi. *They all met in somewhere in like Solaris or something like that*. Itu bukan merupakan satu perjumpaan yang rasmi.

Saya hendak tanya selepas pembentangan laporan oleh PAC, sampai sekarang sama ada ada apa-apa sesi libat urus yang dilaksanakan dengan *stakeholders* yang terlibat termasuk persatuan MM2H, sesi libat urus yang rasmi apa yang saya maksudkan. Apabila saya *check* senarai mesyuarat dan bengkel kesemua itu adalah sebelum mesyuarat kita. Kesemua itu melibatkan agensi-agensi kerajaan sahaja dan tidak melibatkan pandangan dari luar. So, boleh minta penjelasan lanjut daripada Dato' Sri? Terima kasih.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Memang kita telah mengadakan *engagement* dengan pihak-pihak yang berkaitan terutamanya persatuan, ejen MM2H telah diadakan oleh Ketua Pengarah Imigresen dan bersama juga dengan Yang Berhormat Menteri. Selain daripada itu Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kita juga mengadakan *engagement* bersama

dengan *chambers* seperti US, Australia dan sebagainya untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan pihak MM2H. Sesi libat urus Yang Berhormat Menteri secara formal dengan agensi-agensi telah diadakan pada 21 Januari yang lalu.

Tuan Pengerusi: Dengan siapa ya Dato' Sri?

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Dengan Presiden *Malaysia My Second Home Consultant* iaitu Encik Anthony Liew Yong Huat, dengan pihak Bank Negara juga kita ada bersama, dengan pihak United Overseas Bank kerana kebanyakan peserta-peserta MM2H menggunakan UOB sebagai bank yang menguruskan permohonan mereka.

■1130

Kita adakan juga dengan pihak insurans kerana mereka perlu ada insurans untuk menyertai MM2H. Selain daripada itu, seperti mana yang saya katakan pihak Imigresen juga sendiri mengadakan *engagement* dengan pihak agen MM2H. Mungkin Dato' Sri Khairul boleh tambah. Satu lagi adalah *engagement* bersama dengan *chambers* luar negara yang ada kepentingan dengan pemegang kad MM2H. Daripada segi tarikh, tarikh yang tepat kita akan maklumkan semula kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Dato' Sri. Sememangnya satu respons yang amat baik terhadap syor laporan kita pagi ini. Mungkin berkenaan dengan tarikh dan detil, kehadiran melibatkan siapa— seperti boleh sediakan satu jadual seperti dalam muka surat 4 slaid ini lah.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Boleh.

Tuan Pengerusi: Ada tajuk, "Sesi Libat Urus"— siapa yang hadir, siapa yang dijemput. Saya minta sekiranya boleh, kerana pihak PAC hendak membentangkan laporan tindakan susulan ini selewat-lewatnya minggu depan sebelum sidang Parlimen berakhir. So sekiranya boleh, mungkin saya minta jasa baik daripada Dato' Sri KSU untuk memberikan secara bertulis kepada kita dalam masa dua hari. Sekiranya boleh, Dato' Sri?

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Boleh, boleh Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Okey sila sambung Dato' Sri sekiranya tiada soalan untuk syor yang pertama. Tak ada ya? Sila sambung Dato' Sri.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Seterusnya adalah syor kedua. Syor kedua, kerajaan hendaklah memperkasakan peranan MOTAC dalam mempromosi Program MM2H demi mencapai matlamat asal iaitu merangsang ekonomi negara dalam subsektor pelancongan seperti pendidikan, perubatan, harta tanah dan juga industri automobil.

Kementerian Seni, Pelancongan dan Budaya melalui Tourism Malaysia memberi tumpuan kepada elemen promosi Program MM2H dengan pengenalan Program MM2H yang baharu yang kompetitif di bawah seliaan KDN, mengambil kira penanda aras yang saya nyatakan daripada negara-negara tadi. MOTAC menjangkakan jumlah permohonan penyertaan tahunan program MM2H akan meningkat daripada 1,800 kepada 4,000 bagi tahun 2022 menjelang tahun 2025 selepas memasuki fasa endemik COVID-19.

MOTAC juga memberi tumpuan kepada elemen pelesenan agen MM2H. Sehingga 31 Disember 2021, sejumlah 340 syarikat berlesen MM2H yang aktif turut menjalankan aktiviti promosi Program MM2H. Jadi untuk penjelasan lebih lanjut, saya minta supaya TKSU MOTAC mungkin boleh memberi penjelasan lebih lanjut berkaitan dengan program untuk memperkasakan Program MM2H ini.

Tuan Pengerusi: Okey, dipersilakan Datuk Hajah.

Datuk Hajah Saraya binti Arbi [Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat PAC. Untuk MOTAC melalui Tourism Malaysia memang sebagaimana yang dimaklumkan oleh Dato' Sri tadi, elemen promosi memang kita perkukuhkan terutama untuk Program MM2H, di mana kita ada lebih kurang 30 stesen di luar negara yang boleh kita salurkan daripada segi promosi berkaitan dengan MM2H ini sendiri, mulakan dengan *spect-spect* baharu yang telah disebutkan oleh Dato' Sri sendiri. Daripada segi peningkatan yang kita jangka itu dan *in future* bergantung kepada trend yang sedia ada, kita jangkakan peserta-peserta MM2H daripada negara China, Korea Selatan, Bangladesh, Myanmar, Singapura dan Jepun yang biasanya akan memohon, Tuan Pengerusi.

Keduanya begitu juga daripada segi elemen pelesenan agen MM2H. Sehingga 31 Disember 2021, sejumlah 340 syarikat berlesen MM2H yang aktif turut menjalankan aktiviti promosi Program MM2H. Maknanya di sini kita ada serampang dua mata, bukan sahaja promosi dilaksanakan oleh pihak Tourism Malaysia sahaja tetapi juga oleh agen pelesenan MM2H itu sendiri. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Ya, sila Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya bagi negara-negara yang disebutkan di sini saya jangka semua negara-negara ini kita ada wakil Tourism Malaysia di sana. Bagi negara-negara yang kita tidak ada Tourism Malaysia, mungkin kedutaan boleh memainkan peranan. Akan tetapi soalan saya, adakah kita juga melibatkan pelantikan agen-agen tempatan di sana untuk mempromosikan MM2H ini dan juga membuat urusan-urusan pendaftaran ataupun pengumpulan nama-nama dan

prospective candidate untuk mengambil bahagian dalam MM2H kita ini? *Local players* di sana. Terima kasih.

Datuk Hajah Saraya binti Arbi: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman, negara-negara yang disebutkan tadi— ada dua negara yang memang tidak ada Tourism Malaysia iaitu Bangladesh dan juga Myanmar. Namun kita melalui *embassy* kita di sana juga boleh membantu.

Selain daripada itu, untuk luar negara yang memang tak ada langsung, kita bergantung kepada B2B *arrangement* untuk melaksanakan program-program promosi lain termasuk juga MM2H. Bila buat promosi ini bukan sahaja kita bergantung promosi untuk MM2H tetapi juga promosi untuk pelancong-pelancong datang ke Malaysia.

And then satu lagi kita juga melaksanakan promosi ini melalui *travel fair* dan juga *trade fair* yang biasa diadakan di negara yang macam contoh di China, di negara-negara Timur Tengah, di Berlin, *Germany*. Juga di negara-negara Kazakhstan dan sebagainya – itu biasa yang kita laksanakan setiap tahun.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi. Seterusnya kita ke syor ketiga iaitu KDN hendaklah mempertingkatkan sistem aplikasi penyimpanan maklumat yang lengkap khasnya daripada segi pemantauan bilangan peserta mengikut kategori permohonan lanjutan dan permohonan baharu, aktiviti dan perbelanjaan peserta, pemilikan aset dan isu-isu lain yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara dan Laporan PAC ini.

Jadi untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, KDN melalui Jabatan Imigresen Malaysia mengambil perhatian serius terhadap teguran oleh Jabatan Audit Negara berhubung rekod-rekod dan penyimpanan maklumat peserta Program MM2H yang tidak diselenggara dengan baik. Jadi oleh yang demikian, selepas Jabatan Imigresen Malaysia mengambil alih Program MM2H daripada MOTAC bermula pada 16 September 2021 yang lalu, semua cadangan dan syor tersebut telah diambil tindakan.

Antara langkah penambahbaikan yang telah diambil antaranya ialah dengan merekodkan pengeluaran *fixed deposit* bagi tujuan pembelian rumah, kesihatan dan pendidikan. Bagi menambah baik penyimpanan rekod dan pemantauan ke atas peserta Program MM2H, ciri-ciri tersebut telah diambil kira dalam pembangunan Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe) yang sedang dibangunkan sekarang. Sistem NIISe dijangka akan *go live* pada Disember 2023 dan boleh digunakan sepenuhnya pada Disember 2024 selepas transisi untuk *deployment* ke semua pejabat dan cawangan JIM dilaksanakan.

Suka juga saya menambahkan bahawa rekod-rekod ini kita selenggara dalam bentuk manual dahulu Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana adalah tidak berapa sesuai untuk kita bangunkan satu sistem baharu sedangkan kita sedang membangunkan satu sistem imigresen yang komprehensif yang meliputi semua urus niaga-urus niaga yang berkaitan dengan urusan imigresen. Jadi itu yang telah kita ambil tindakan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Mungkin masuk syor keempat dahulu. Saya hendak *combine* kedua-dua soalan berkenaan dengan pemilikan rumah.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Okey.

Tuan Pengerusi: Sila.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Syor keempat adalah KDN hendaklah berkoordinasi dengan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) di semua negeri dan menyimpan rekod bagi memastikan pembelian dan pemilikan hartanah oleh peserta MM2H adalah lengkap.

■1140

Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat ahli mesyuarat, Kementerian Dalam Negeri mengambil serius cadangan ini, di mana Kementerian Dalam Negeri akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan mungkin bukan dengan PTG kerana pembelian hartanah yang berbentuk kediaman adalah di bawah kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dalam masa yang sama, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga ada membangunkan sistem berkaitan dengan perolehan hartanah oleh setiap individu di Malaysia. Jadi kita berpandangan dengan berintegrasi dengan sistem Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kita akan dapat maklumat berkaitan dengan pemilikan hartanah oleh peserta-peserta MM2H, Tuan Pengerusi.

Jabatan Imigresen Malaysia akan memastikan rekod pembelian hartanah peserta MM2H yang memohon pengeluaran FD bagi tujuan pembelian hartanah dapat direkodkan dengan baik. Pembelian hartanah yang tidak melibatkan pengeluaran FD tidak direkodkan kerana tidak disyaratkan ke atas peserta MM2H untuk melaporkan kepada Jabatan Imigresen.

Selain daripada itu, perkara ini juga bergantung kepada pihak kerajaan negeri daripada segi harta-harta yang boleh dibeli kerana setiap kerajaan negeri mempunyai syarat-syarat tersendiri berkaitan pemilikan hartanah di negeri masing-masing, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, saya ada satu soalan.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey, berkenaan dengan syor tiga dan syor empat Dato' Sri. Memang saya ingat ia merupakan satu teguran daripada pihak Jabatan Audit Negara bahawa bagi program MM2H ini tidak dapat disahkan berapa ramai yang telah pun membeli hartanah di Malaysia dan berapa jumlah *value* atau harga hartanah yang telah pun dibeli sepanjang masa ini. So, ini merupakan teguran daripada Jabatan Audit Negara.

Di bawah syor empat, sememangnya PAC menyatakan dengan lebih jelas kerana apabila pihak MM2H sebelum ini hanya boleh menganggarkan siapa yang pernah membeli hartanah dengan cara memeriksa pengeluaran wang daripada FD, okey. Untuk mereka yang membeli dengan *cash*, ataupun mereka yang beli tanpa menyentuh wang di dalam FD itu, memang situasi dan keadaan itu tidak boleh di-*capture* oleh pihak MM2H. Apakah penambahbaikan yang harus dibuat dari situ?

Itu sebab pihak PAC mencadangkan supaya setiap PTG negeri sememangnya ada rekod siapa yang akan beli. Ini kerana bagi seseorang warga asing memiliki hartanah di Malaysia, mereka perlu memohon kebenaran daripada pihak berkuasa negeri terlebih dahulu untuk satu kebenaran bagi pihak asing sama ada pemegang MM2H ataupun warga asing yang biasa untuk membeli tanah tersebut. So, dari situ kita boleh mengenal pasti berapa ramai peserta MM2H yang telah membuat permohonan untuk pembelian tanah dan dari situ kita juga boleh *ascertain* dan juga mengenal pasti berapakah harga yang akan terlibat. So, itu merupakan cadangan daripada PAC dalam syor empat.

Akan tetapi apabila saya nampak respons ataupun maklum balas daripada Kementerian Dalam Negeri, nampaknya kita masih menggunakan jalan lama, yang mana *I think* pihak JAN pun boleh setuju yang mana ia akan menyebabkan teguran daripada JAN itu akan berulang lagi. *It is because number* empat sini menyatakan pembelian harta yang tidak melibatkan pengeluaran FD tidak direkodkan kerana tidak disyaratkan. So, *what are our ways forward* untuk menambahbaikkan situasi ini?

It is a very clear teguran daripada audit. Saya masih ingat. Itu sebab bagi saya dan bagi pihak PAC adalah amat senang sekiranya kita boleh berkoordinasi dengan PTG supaya PTG boleh memaklumkan kepada pihak MM2H transaksi, penukaran nama ataupun pembelian tanah tersebut sama ada ia melibatkan warga asing, warga tempatan ataupun peserta MM2H.

So, saya tidak nampak daripada respons ini ada menjawab teguran daripada pihak audit. Mungkin sebelum saya menjemput Dato' Sri, pihak audit boleh memberikan ulasan dalam isu ini.

Puan Azmiza binti Mohd Khalid [Timbalan Pengarah, Jabatan Audit Negara]: Okey, Tuan Pengerusi. Okey, sebenarnya semasa kita bangkitkan isu ini di bawah Laporan Ketua Audit Negara, kita *highlight*-kan kenyataan Majlis Ekonomi Negara pada bulan Februari 2006 menyatakan program MM2H ini boleh merangsang ekonomi negara melalui subsektor pelancongan, pendidikan, perubatan, pembelian rumah dan industri automobil. Bagaimanapun, semasa semakan audit dibuat terhadap Laporan Pemantauan Prestasi Pusat MM2H, kita mendapati MOTAC mengambil kira lima pendapatan utama termasuklah pembelian harta tanah. Bagaimanapun nilai pembelian harta tanah itu kita tidak dapat tentukan jumlah yang sebenar sebab yang direkodkan hanyalah pembelian harta tanah yang menggunakan pengeluaran *fixed deposit*. Jadi itulah yang kita bangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Tuan Pengerusi: Ya, terima kasih. Dato' Sri boleh berikan ulasan terhadap komen saya dan juga pandangan daripada JAN. Terima kasih.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya antara perkara yang kita hendak ambil adalah kita hendak *integrate*-kan sistem yang ada di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan sistem yang akan kita bangunkan di dalam NIISe berkaitan dengan pembelian harta tanah. Ini kerana kebanyakan peserta MM2H ini kalau berdasarkan maklumat yang ada Tuan Pengerusi, mereka membeli bangunan ataupun membeli rumah dan mereka tidak membeli tanah. Biasanya rekod di PTG adalah perolehan untuk pembelian tanah.

Untuk pembelian bangunan ataupun rumah binaan biasanya rekod ada dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. *That is why* kita cuba untuk melihat dari segi pemilikan harta tanah itu melalui sistem yang telah dibangunkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan cara kita *integrate* bersama dengan sistem yang ada di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi: Dato' Sri, sebelum itu, saya hendak dapatkan penjelasan apa maksudnya beli bangunan tanpa pembelian tanah? *[Disampuk]* Ya, kondominium pun ada *strata title*.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya, *strata*. Strata bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *No*, PTG. *Landed* PTG, strata PTG. Mungkin Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada sistem yang lain tetapi *strata title* atau *individual title* semua kena masuk PTG. So, saya tidak berapa faham apabila Dato'

Sri mentioned sebut berkenaan dengan kebanyakan mereka membeli rumah tanpa melibatkan pembelian tanah. So, that I'm a little bit confuse here.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Mungkin boleh explain sikit.

Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud: Tuan Pengerusi, maksud Dato' Sri KSU tadi ialah peserta-peserta MM2H ini— betul mereka membeli tanah, harta tanah tetapi bukan tanah kosong. Mereka membeli rumah kediaman, rumah kedai dan sebagainya. Semua ini...

Tuan Pengerusi: Betul. Itu pun akan melalui PTG.

Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud: PTG dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kami memilih untuk *integrate* sistem dengan Jabatan Perumahan Negara yang mengawal daripada segi pembinaan dan penjualan harta tanah di Malaysia yang mana ia lebih senang, Tuan Pengerusi.

Sedikit tambahan yang ingin saya maklumkan di sini ialah pembelian harta tanah bukanlah satu syarat wajib kepada peserta MM2H ini. MM2H kita, Malaysia adalah berbeza dengan skim-skim yang terdapat di *Portugal*, di Australia dan juga di *Singapore* yang mana mereka adalah berdasarkan kepada *investment*. Contohnya di Australia, *Business Innovation and Investor Programme*, mereka mesti melabur dan membuat pembelian harta tanah. Di *Singapore* dikenali sebagai *Singapore Global Investor Programme*. Mereka mesti membuka perniagaan dengan jumlah sekurang-kurangnya *USD1 million* ataupun *SGD2.5 million*. Begitu juga di *Portugal* contohnya *Residence Permit for Investment* yang mana skim-skim ini mewajibkan mereka untuk membuat pelaburan dan membeli harta tanah.

■1150

Program MM2H ialah satu skim di mana *come, stay and spend* dan sebab itu di bawah syarat baharu, kita meletakkan pendapatan bulanan yang lebih tinggi sebanyak RM40,000. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey. Saya ingat pihak saksi perlu faham teguran dari Jabatan Audit Negara. Teguran Jabatan Audit Negara bukanlah sama ada kita hendak memastikan bahawa pemohon ataupun pemegang pas MM2H itu ada membeli tanah, hendak membeli tanah. Tidak.

Teguran Jabatan Audit Negara adalah mereka tidak mempunyai satu sistem yang mana apabila Jabatan Audit Negara tanya kepada pihak Program MM2H, berapa ramai yang telah membeli tanah, tidak ada rekod tersebut. Berapa harga ataupun *value* yang terlibat dalam harta tanah-harta tanah itu? Memang itu pun tidak dapat diberikan. So, itu sebabnya kita minta supaya *have to liaise with PTG*. Apabila

dikatakan perumahan ini dikendalikan oleh Jabatan Perumahan Negara, KPKT dan bukan PTG itu *with due respect* saya tidak boleh bersetujulah. Okey?

Yang Berhormat Beaufort pun tadi kata tidak betul. Kedudukan itu, *position* yang diambil itu. Setiap transaksi yang kita masukkan untuk tujuan pindah milik harus dikendalikan oleh PTG di setiap negeri. So, *I think position* itu amat jelas. Bagaimanakah Jabatan Perumahan Negara boleh memperoleh maklumat-maklumat tersebut? Itu saya tidak dapat pasti cuma mungkin saya hendak minta ulasan lanjut daripada pihak Dato' Sri atau pihak Dato' KP dalam isu ini. *Which one is the most accurate way?*

So, katakan dengan Jabatan Perumahan Negara sama ada jabatan ini ada menyatakan bahawa siapa merupakan peserta Program MM2H yang telah membeli rumah. Antara pemilikan rumah itu sama ada ia peserta Program MM2H warga asing atau apa saya tidak pasti. Mungkin pihak saksi boleh sahkan tetapi bagi saya yang *department* ataupun agensi yang boleh memberikan jawapan secara terus kepada pihak Program MM2H ataupun KDN dalam kes ini adalah PTG. Melainkan transaksi itu merupakan transaksi yang tidak melibatkan pindah milik *title*.

Katakan penjualan daripada pemaju *directly*, ia masih dalam *construction*. So, itu memang *strata title* masih belum ada lagi. Akan tetapi, selepas ia siap bina *strata title sure* sudah ada. Itu dalam masa dua ke tiga tahun sahaja. So, *at the end* kesemua rekod ini akan dan dapat disimpan oleh PTG. Isu adalah sama ada pihak KDN dan Program MM2H sanggup dan hendak untuk berinteraksi dengan pihak PTG.

Of course, saya tidak ada masalah sekiranya Jabatan Perumahan Negara boleh memberi maklumat yang *accurate*, maklumat yang tepat kepada pihak KDN ataupun Program MM2H. Saya tidak ada masalah cuma saya ada satu kekhawatiran sama ada Jabatan Perumahan Negara, KPKT terlibat dalam penyimpanan data sebegini? *I really doubt so-lah. From my experience as a lawyer, I really doubt so.*

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlia bin Haji Abdul Aziz: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi.

Ia sebenarnya perkara ini kita ambil alih daripada pihak MOTAC. *Based on* teguran daripada pihak LKAN dan juga PAC, kita akan berkolaborasi dengan pihak KPKT dan dalam berkolaborasi untuk kita *integrate* sistem tersebut akan ada perbincangan-perbincangan yang kita akan laksanakan untuk memastikan pemegang-pemegang Program MM2H yang membeli hartanah di Malaysia.

Ini kerana perkara ini masih belum kita laksanakan lagi, Tuan Pengerusi. Kita dalam peringkat untuk mengadakan perbincangan bersama dengan KPKT kerana mereka ada sistem. Sekiranya pandangan Yang Berhormat tadi berkaitan dengan

KPTG yang mungkin ada maklumat yang lebih jelas daripada segi pemilikan, pihak KDN tidak ada isu untuk bekerja sama dengan PTG, Tuan Pengerusi.

Kita mengambil KPCT kerana apabila dengan KPTG kita akan berhubung dengan kesemua negeri yang ada di Malaysia. Kalau dengan KPCT mereka sudah ada maklumat tersebut. Pada pandangan saya, kita tidak ada isu untuk bersama dengan PTG juga. Mungkin Dato' Sri Khairul boleh tambah sedikit untuk...

Tuan Pengerusi: Sebelum Dato' Sri Khairul tambah mungkin saya hendak dapatkan pengesahan sama ada sepanjang masa ini KPCT melalui Jabatan Perumahan Negara ada menyimpan maklumat seperti yang diperlukan oleh pihak Program MM2H? Khasnya peserta Program MM2H yang membeli dan berapa harganya? Itu dua perkara yang amat pentinglah.

So, saya menjemput Yang Berhormat Permatang Pauh. Sila, sebelum saya menjemput Dato' Sri Khairul.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tambahan saya hanyalah bila bercakap tentang sistem. Pertama, elemen untuk pemilikan dan pemberian kepada syarikat yang bakal membangunkan sistem tersebut bukannya vendor tetapi *source code* ataupun *they can develop a proper software on their own*.

Kedua adalah daripada segi pemilikan ke atas *software* tersebut. Kementerian mana? Contohnya, sekarang ini sudah ada KDN, kemudian hendak berkongsi data dengan KPCT. Ada juga elemen PTG. So, daripada audit kami selama ini, selalunya akan berlaku percanggahan antara agensi dan kementerian. Manakah punca kuasanya? So, *maybe those items* harus dikemaskini supaya akhirnya integrasi dapat berlangsung dengan baik kerana selalunya tidak berlangsung dengan baik. *I mean*, daripada pengalamanlah kami mengaudit.

Kedua, daripada segi punca kuasa. KPCT tidak rasa data tersebut disalah guna. *I mean*, antara kementerian pun, kan. Jadi, sepatutnya perkongsian itu *seamless* supaya mudah untuk memantau penerima dan peserta. Terima kasih.

Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud: Terima kasih, Yang Berhormat Permatang Pauh.

Saya ingin memaklumkan bahawa permohonan sistem NIISe yang dimaklumkan oleh Dato' Sri KSU tadi sedang dibangunkan oleh sebuah vendor yang dilantik melalui tender terbuka. Pembangunan sedang berjalan dan apa yang saya ingin maklumkan ialah mengenai *source code* akan menjadi milik kerajaan iaitu milik Kementerian Dalam Negeri, bukan milik vendor.

Jadi, pihak berkuasa kerajaan akan mempunyai akses dan akan menguasai segala maklumat yang berada di dalam sistem. Daripada segi perkongsian maklumat

di antara agensi-agensi kerajaan ini bukanlah satu masalah kerana tidak ada isu kerahsiaan kecuali sekiranya ia melibatkan operasi-operasi keselamatan. *Of course*, tidak boleh dikongsi tetapi sekadar berkongsi maklumat pemilikan harta tanah dan perumahan yang ini tidak menjadi isu, Yang Berhormat di antara agensi-agensi kerajaan.

Tuan Pengerusi, kenapa isu pemilikan harta tanah dibangkitkan di dalam Laporan Kedua Audit Negara sebelum ini, ia kerana daripada segi pengurusan Program MM2H sebelum ini dilaksanakan oleh dua buah agensi iaitu MOTAC dan Kementerian Dalam Negeri bersama dengan Jabatan Imigresen Negara. Jadi, ini menyebabkan daripada segi rekod dan maklumat tidak begitu selaras. Selepas program ini diambil alih oleh KDN dan Jabatan Imigresen Negara pada bulan Ogos 2021 yang lalu, rekod-rekod pemilikan harta tanah telah dapat direkodkan oleh Jabatan Imigresen.

Saya beri contoh mulai 16 September 2021 sehingga Februari *this year*, bilangan peserta Program MM2H yang direkodkan membeli rumah adalah seramai 12 orang dengan nilai *value* harta tanah sebanyak RM16.7 juta. Apabila mereka ini membeli harta tanah melalui pengeluaran *fixed deposit*, mereka tidak dibenarkan untuk mengeluarkan semua jumlah *fixed deposit*. Hanya 50 peratus yang dibenarkan yang mana 50 peratus ini digunakan untuk tujuan pembayaran awal sebanyak 10 peratus.

Oleh sebab itu kalau kita lihat di sini, 12 orang peserta dengan *value* sebanyak RM16.7 juta adalah jauh lebih tinggi daripada jumlah *fixed deposit* mereka di dalam bank.

■1200

Rekod-rekod mengenai pemilikan harta tanah selepas ini akan diselenggara melalui sistem *myImmigration* sedia ada yang dikenali sebagai myIMMs dan seperti mana yang dimaklumkan oleh Dato' Sri KSU sebentar tadi, myIMMs ini akan digantikan oleh NIIS pada penghujung tahun 2023, yang mana dari segi rekod, dari segi integrasi dengan agensi-agensi lain akan jadi lebih terselaras, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Dato' KP. Cuma Dato' KP saya hendak satu pengesahan yang lebih jelas. *Very short question.* Sama ada Jabatan Perumahan Negara KPKT ada menyimpan maklumat seperti yang akan diminta oleh pihak MM2H. Maklumat seperti pembelian harta tanah oleh peserta MM2H dan juga *value*. Dua maklumat ini sahaja. Sama ada Jabatan Perumahan Negara—*are you confident that they can give you? I really doubt whether they have this figure or not without liaising with PTG*. Saya tidak ada masalah untuk pihak KDN berintegrasi dengan Jabatan Perumahan Negara. *No problem.* Masalah di sini untuk menjawab teguran daripada audit adalah sama ada Jabatan Perumahan Negara mampu untuk

memberikan maklumat setiap kali ada pembelian harta tanah oleh peserta MM2H dan dari situ harga setiap transaksi itu. *Do they have this source or not?*

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, berkaitan dengan sistem yang ada di KPCT, sekiranya maklumat berkaitan dengan peserta MM2H yang kita ingin cari yang membuat pembelian. Untuk masa sekarang, saya percaya mungkin mereka tidak merekodkan seseorang ini adalah peserta MM2H. Akan tetapi setelah kami mengambil alih, kami melihat ini adalah satu peluang untuk kita merekodkan dalam sistem. Semasa kita berkolaborasi nanti dengan pihak KPCT, kami akan membangkitkan perkara ini supaya ada medium dalam sistem tersebut yang merekodkan bahawa ini adalah pembelian daripada MM2H.

Akan tetapi untuk masa sekarang, saya percaya mereka tidak merekodkan pembelian ini adalah peserta MM2H ataupun warganegara asing yang memegang pas-pas yang lain. Akan tetapi selepas kami bekerjasama nanti, itulah antara perkara yang kami akan bangkitkan kepada pihak KPCT supaya menyediakan ruang ataupun medium dalam sistem untuk merekodkan pembelian oleh peserta MM2H.

Tuan Pengerusi: Ya sila Datuk Seri Naib Pengerusi.

Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Chairman. Saya hendak bertanya Dato' Sri. *Are you sure that Jabatan Perumahan yang bertanggungjawab terhadap menyimpan data-data pembelian harta tanah. Are you sure about that? Because I was at KPCT before. [Ketawa] It is not part of their job.*

Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud: Bukan.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Ketawa]*

Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud: Yang Berhormat, kalau saya boleh menjawab soalan itu. Saya pernah bertugas sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sepanjang pengetahuan saya, Jabatan Perumahan mempunyai rekod-rekod harta tanah ini. Pemilikan setiap unit perumahan sama ada oleh rakyat Malaysia ataupun rakyat asing terdapat di dalam rekod Jabatan Perumahan Negara kerana pemaju perlu melaporkan kepada JPN, rekod-rekod jualan harta tanah yang mereka bangunkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey terima kasih. *I think pihak PAC telah pun menyatakan pendirian dan juga pandangan PAC kepada KDN dalam syor tiga dan empat dan dengan ulasan dan persoalan daripada PAC nanti. Kami akan— we leave it in your good hands Dato' Sri untuk memastikan teguran daripada audit itu berkenaan dengan pemilikan harta tanah dan juga harga, value-nya. Teguran tersebut dapat*

diberikan perhatian dan juga mendapat satu cara penyelesaian yang paling pantas dan paling baik. Okey. Mungkin saya menjemput Dato' Sri untuk teruskan pembentangan.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Okey terima kasih Tuan Pengerusi. Seterusnya adalah syor yang kelima. Ia berkaitan dengan Pekeliling Imigresen Malaysia Bilangan 6 Tahun 2009 hendaklah dipinda atau diganti dengan pekeliling yang lain untuk memberikan tafsiran yang tepat mengenai had umur anak yang dibenarkan sebagai tanggungan bagi peserta dalam Program MM2H.

Selaras dengan penambahbaikan dasar baharu Program MM2H, Jabatan Imigresen telah membuat penambahbaikan terhadap tafsiran had umur anak peserta pemegang pas MM2H di dalam Pekeliling Imigresen. Pekeliling ini telah dikeluarkan dan telah diwartakan semalam. Kita telah membuat pindaan, di mana Yang Berhormat Menteri pada 14 Mac yang lalu telah menandatangani Peraturan-peraturan Imigresen (Pindaan) 2022. Ia telah pun diwartakan setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Peguam Negara. Saya minta Dato' Sri Khairul *explain* sedikit dari segi pekeliling yang telah kita tambah baik berkaitan dengan had umur.

Dato' Sri Khairul Dzaimee bin Daud: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya masih ingat di dalam prosiding terdahulu teguran telah dibuat oleh PAC kenapa mereka yang berusia— anak-anak yang berusia melebihi 21 tahun diberikan taraf sebagai *dependent* yang memegang pas MM2H. Jawapan yang diberikan ketika itu ialah ketika mereka memohon, mereka berusia di bawah 21 tahun. Ia dibangkitkan juga bahawa di dalam Pekeliling Imigresen berkenaan tidak jelas tentang peraturan had umur. Selaras dengan teguran ini Tuan Pengerusi, pindaan telah dibuat. Kalau kita lihat di *para* 8, 8.1.4 itu bahawa usia *dependent* anak-anak ini telah dinaikkan sehingga umur 34 tahun dengan syarat mereka tidak berkahwin atau mereka tidak bekerja di Malaysia. Sekiranya mereka berkahwin atau bekerja, mereka mesti memegang pas lain yang bersesuaian iaitu sama ada sebagai *expatriate* ataupun sebagai isteri ataupun pasangan kepada warganegara tempatan. Tindakan untuk perkara ini telah pun diambil, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ada soalan untuk syor ini? Maklum balas. Nombor 5. Cuma soalan terakhir Dato' Sri. Saya hendak sahkan syarat-syarat baharu tersebut memang telah pun berkuat kuasa ya? Bila berkuat kuasa?

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: September.

Tuan Pengerusi: September lepas. Okey. So, respon 211 permohonan berbanding dengan tempoh sebelum MCO, apa yang kita boleh katakan berkenaan

dengan jumlah ini? Sama ada respon dikira baik ataupun memang amat berkurangan disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan sebagainya.

Dato' Sri Khairul Dzaikee bin Daud: Tuan Pengerusi, kita tidak boleh membandingkan respon di antara peserta di bawah syarat baharu MM2H dengan peserta-peserta lama kerana peserta lama mereka tidak perlu mempunyai pendapatan sehingga RM40,000, deposit sehingga *RM1 million* dan sebagainya. 211 orang ini ialah peserta-peserta di bawah MM2H syarat baharu yang telah membuat permohonan di dalam sistem *online* yang saya sebutkan sebentar tadi iaitu eMM2H.

Mereka tidak boleh masuk lagi ke negara kita kerana sekatan-sekatan pembukaan sempadan masih belum lagi dibuat oleh negara masing-masing. Contohnya daripada China. China masih belum membenarkan lagi rakyat mereka keluar. Akan tetapi mereka telah mendaftar di dalam sistem. Mereka telah mempunyai ID dan mereka telah membayar *deposit process* sebanyak RM500. Ini jelas menunjukkan bahawa mereka berminat dengan MM2H yang baharu, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Dato' KP. Jika kita bandingkan syarat baharu kita dengan syarat-syarat oleh negara-negara jiran katakan Thailand dan sebagainya. Dalam prosiding kita dimaklumkan bahawa syarat-syarat yang lebih longgar di negara-negara jiran mungkin akan menjadi satu pesaing kepada pihak kami, kepada negara kita.

■1210

Apakah pandangan dan ulasan daripada pihak KDN berkenaan dengan isu ini?

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. KDN melihat bahawa apa yang kita ingin tarik adalah mereka-mereka yang berkualiti berada di negara kita supaya hasrat yang cuba kita bawa adalah untuk mereka berbelanja di Malaysia. Jadi kalau syaratnya terlalu longgar juga memungkinkan mereka yang tidak berapa kompeten untuk menyertainya. *That is why* kita telah ubah syarat-syarat tersebut daripada yang lama kepada yang baharu.

Sebagaimana yang dinyatakan tadi, berdasarkan tempoh masa yang daripada September, maknanya kita sudah ada mereka yang berminat untuk menjadi ahli kepada *Malaysia My Second Home*. Jadi saya nampak kita ketatkan sedikit berbanding dengan negara-negara lain, tetapi kita akan mendapat peserta yang berkualiti daripada segi kewangan mereka dan juga daripada segi sekuriti itu sendiri kita akan dapat pertingkatkan lagi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Dato' Sri. Okey dari Ahli-ahli semua, ada—ya sila Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tak ada kaitan sangat dengan MM2H ini, cuma Sistem NIISe ini kelihatan hanya akan siap – sorry, go *live* Disember 2023. Hampir dua tahun dari sekarang. Bila *construction* bermula dan kenapa rasanya lama sangat baru boleh go *live* ini? *Complicated* atau macam mana?

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Sistem NIISe ini baru sahaja dibangunkan. Baru sahaja di-award kepada syarikat dan bermula pada tahun lepas. Jangkaannya memang akan selesai tahun 2024. Jadi bukanlah ia ada *hiccup* di mana-mana. Pembangunan sedang berjalan dan boleh saya maklumkan bahawa prestasi syarikat sekarang ini adalah berada pada *progress* yang betul. Memang ini menjadi satu keutamaan kita untuk memantau memandangkan perolehan untuk sistem imigresen ini antara perolehan yang terbesar di dalam bidang IT. Jadi memang dipantau dengan rapi oleh pihak kementerian dan juga pihak MAMPU. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Boleh dapat *indication* sedikit anggaran kos yang dikatakan tertinggi itu?

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: RM1.2 bilion.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: *That is a big amount of money.*

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: *It is a big amount.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni: Berkenna tentang Sistem NIISe. Kita *been through for so many* prosiding yang berkaitan dengan perkara-perkara macam ini. KSU, *I think* kena diambil kira penelitian berkenaan tentang aplikasi yang akan dibangunkan. Satu, kita tak nak seperti kes-kes yang sebelum ini seperti uCustoms dan seperti rangkaian MyGov*Net yang pada pengakhiran projek atau bila go *live* itu ia *stuck at certain percentage* dan kerajaan tidak dapat memiliki pun sistem dan juga *source code*. Pastikan juga pemilihan *software* yang diguna pakai itu adalah bukan menghampiri *obsolete* punya teknologi.

Perkara-perkara begini kita kena ambil berat kerana memang perolehan-perolehan yang berkaitan dengan ICT kalau melalui PAC, kes-kes yang kita dapat memang melibatkan bilion ringgit. So, sekiranya tadi dimaklumkan KSU ada menyebut MAMPU dan kami berharap MAMPU pun dapat memainkan peranan kerana MAMPU pun beria-ia untuk *play the major role* berkenaan dengan ICT ini.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Ya. Terima kasih Yang Berhormat, kita mengambil maklum akan pandangan Yang Berhormat dan *insya-Allah* perkara ini memang menjadi keutamaan di peringkat KDN kerana dengan jumlah yang sebegini besar, kita tidak mahu sistem yang kita cita-citakan untuk Jabatan Imigresen Malaysia menjadi satu projek gajah putih. Saya percaya semua pegawai di imigresen juga bersedia untuk memastikan bahawa sistem ini dapat kita perolehi sebagaimana yang telah dianugerahkan kepada pihak vendor untuk melaksanakannya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. So, ada soalan lagi? Okey jika tidak ada, bagi pihak PAC saya ucapan terima kasih kepada Dato' Sri KSU dan juga saksi-saksi yang lain yang telah pun memberikan maklum balas kepada pihak PAC pada pagi ini. Terima kasih juga saya ucapan kepada pihak MOF selaku pegawai pengawal yang telah pun membantu PAC dalam menyelaraskan segala isu berkenaan dengan sesi maklum balas oleh kementerian-kementerian berkaitan. So, dengan ini saya ucapan penghargaan juga kepada ex-officio yang hadir dan juga sekretariat. Sekretariat sebelah petang kita ada apa? Verifikasi?

Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]: Mesyuarat verifikasi dalam pukul 3.00.

Tuan Pengerusi: For? COVID-19?

Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli: MAIWP.

Tuan Pengerusi: MAIWP?

Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli: COVID-19 tomorrow.

Tuan Pengerusi: MAIWP dan COVID-19 dua-dua sekali?

Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli: No, satu sahaja. MAIWP sahaja.

Tuan Pengerusi: MAIWP sahaja? Okey, sebelah petang. So, *that one will take a little bit time*. Okey, so thank you Dato' Sri dan juga saksi-saksi yang hadir. Okey, terima kasih. Maklum balas yang baguslah bagi saya.

Dato' Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan sediakan maklum balas yang diminta oleh Tuan Pengerusi tadi dalam masa dua hari yang diberikan kepada kami. Kami mengambil perhatian terhadap teguran-teguran dan juga pandangan-pandangan daripada Tuan Pengerusi serta Ahli-ahli Mesyuarat berkaitan dengan isu MM2H ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Dato' Sri. *Thank you.*

[Mesyuarat ditangguhkan jam 12.17 tengah hari]
